

10 BACAAN YANG BERHARGA SELEPAS SETIAP KALI SEMBAHYANG FARDHU

(1) Membaca 3 kali:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ، فِي كُلِّ مَحَاةٍ
وَنَفْسٍ عَدَدَ مَا وَسِعَهُ عِلْمُ اللَّهِ.

“Tiada tuhan selain Allah, Nabi Muhammad ﷺ adalah pesuruh Allah (pahala bacaannya) pada setiap kerdipan mata dan nafas, sebanyak mana luasnya ilmu Allah.”

Fadhilat:

Sekali membacanya menyamai membaca 72000 kali tahlil. (Lihat kitab *Minhah al-Ilah, Khulashah Syawariq al-Anwar* (ms. 31) dan *An-Nujum az-Zahirah* (ms. 68))

(2) Sayyidul Istighfar (Penghulu istighfar), dibaca sekali:

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ خَلَقْتَنِي، وَأَنَا عَبْدُكَ
وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ
مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ
بِدُنْيِي، فَاعْفُرْ لِي فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

“Ya Allah, Engkaulah Tuhanku, tiada Tuhan melainkan Engkau. Engkau telah menciptakan aku dan aku adalah hamba-Mu. Aku berada dalam janji untuk mentaatimu sejauh kemampuanku. Aku berlindung kepada-Mu daripada keburukkan yang pernah aku lakukan. Aku mengakui semua nikmat yang telah Engkau berikan dan aku mengakui semua dosa yang pernah aku kerjakan. Oleh itu, ampunilah semua dosaku kerana tidak ada yang boleh mengampuni dosa selain Engkau.”

Fadhilat:

Mengikut hadith riwayat Imam Bukhari, sesiapa yang membacanya pada waktu siang dengan yakin dan meninggalkan siangnya juga sebelum malam, dia ahli syurga dan sesiapa yang membacanya pada waktu malam dengan yakin dan meninggalkan malamnya juga sebelum pagi, dia ahli syurga.

(3) Membaca 3 kali selawat:

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَأَنْزِلْهُ الْمُقْعَدَ
الْمُقَرَّبَ عِنْدَكَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

“Ya Allah, rahmatilah Penghulu kami, Nabi Muhammad ﷺ dan tempatkanlah Baginda di kedudukan yang paling dekat di sisi-Mu pada hari Kiamat.”

Fadhilat:

Orang yang membacanya akan diwajibkan syafaat Nabi ﷺ kepadanya mengikut riwayat Imam Al-Bazzar dan Imam Ath-Thobrani dalam *Al-Kabir* dan *Al-Awsath*.)

(4) Membaca 3 kali:

جَزَى اللَّهُ عَنَّا سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَآلِهِ
وَسَلَّمَ مَا هُوَ أَهْلُهُ.

“Semoga Allah membalas dari pihak kami apa sahaja yang layak kepada Nabi Muhammad ﷺ.”

Fadhilat:

Sekali membacanya akan memematkan 70 Malaikat menulis ganjaran membacanya selama 1000 pagi (hari) mengikut riwayat Imam Ath-Thobrani di dalam *Al-Kabir* dan *Al-Awsath* dan Imam Al-Munziri dalam *At-Tarhib*. Lihat juga dalam *An-Nasha'ih ad-Diniyyah* (ms. 253) dan *Khulashah min Syawariq al-Anwar* (ms. 39))

(5) Membaca 3 kali:

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ، نَسَأَلُكَ
الْجَنَّةَ وَنَعُوذُ بِكَ مِنَ النَّارِ.

“Aku bersaksi bahawa tiada tuhan selain Allah, aku memohon keampunan daripada Allah. Ya Allah, kami memohon syurga daripada-mu dan kami berlindung dengan-Mu daripada neraka.”

Fadhilat:

Mengikut hadith riwayat Imam Ibnu Khuzaimah dan Imam Al-Baihaqi dalam *Syu'b al-Iman*, bacaan tahlil dan istighfar menjadikan Allah redha kepada pembacanya dan dimasukkan ke syurga serta

dijauhkan daripada neraka tidak boleh tidak hamba mesti berdoa sedemikian.

(6) Membaca 3 kali:

سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ.

“Maha Suci Allah dan segala puji bagi-Nya, Maha Suci Allah Yang Maha Agung.”

Fadhilat:

Bacaan ini sangat dikasihi oleh Allah dan memberatkan timbangan ganjaran mengikut hadith *Muttafaq ‘alaih*.

(7) Membaca 3 kali:

سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ،
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ.

“Maha Suci Allah, segala puji bagi Allah, tiada tuhan selain Allah, Allah Maha Besar. Tiada daya dan kekuatan melainkan daripada Allah Yang Maha Tinggi lagi Maha Agung.”

Fadhilat:

Setiap satu bacaan mempunyai kelebihan yang besar mengikut beberapa hadith tentangnya.

(8) Membaca Surah Az-Zalzalah sebanyak 2 kali

Fadhilat:

Mengikut riwayat hadith riwayat Imam At-Tirmizi dan Imam Al-Hakim, sekali membacanya menyamai membaca setengah (1/2) Al-Qur’an.

Sangat elok setelah membacanya 2 kali, bacalah sekali:

عَدَدَ خَلْقِهِ، وَرَضَى نَفْسِهِ، وَزِنَةَ عَرْشِهِ، وَمِدَادَ
كَلِمَاتِهِ.

“... sebanyak bilangan makhluk-Nya, seperti mana keredhaan-Nya, seberat Arasy-Nya dan sebanyak catatan di Lauh Mahfuz-Nya.”

(9) Membaca Surah Al-Kafirun sebanyak 4 kali

Fadhilat:

Mengikut riwayat hadith Imam At-Tirmizi, sekali membacanya menyamai membaca satu perempat (1/4) Al-Qur’an.

Sangat elok setelah membacanya 4 kali, bacalah sekali:

عَدَدَ خَلْقِهِ، وَرَضَى نَفْسِهِ، وَزِنَةَ عَرْشِهِ، وَمِدَادَ
كَلِمَاتِهِ.

“... sebanyak bilangan makhluk-Nya, seperti mana keredhaan-Nya, seberat Arasy-Nya dan sebanyak catatan di Lauh Mahfuz-Nya.”

(10) Membaca Surah Al-Ikhlash sebanyak 3 kali

Fadhilat:

Mengikut hadith riwayat Imam Bukhari dan lain-lain, sekali membacanya menyamai membaca satu pertiga (1/3) Al-Qur’an.

Sangat elok setelah membacanya 3 kali, bacalah sekali:

عَدَدَ خَلْقِهِ، وَرَضَى نَفْسِهِ، وَزِنَةَ عَرْشِهِ، وَمِدَادَ
كَلِمَاتِهِ.

“... sebanyak bilangan makhluk-Nya, seperti mana keredhaan-Nya, seberat Arasy-Nya dan sebanyak catatan di Lauh Mahfuz-Nya.”

* Diizinkan untuk dipanjang-panjangkan.

Dijjazahkan oleh:
Al-Faqir ilallahil Qadir,
Ustaz Muhadir bin Haji Joll,
Kuliah Dhuha, Masjid Tengku Ampuan Rahmah,
Bukit Jelutong,
Khamis, 22 Jamadil Akhir 1432H/
8 Februari 2018M.